# MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA HARI HIV/AIDS SEDUNIA PADA 1HB DISEMBER, HOTEL VISTANA,KUANTAN.



























1/12/2007




MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA
HARI HIV / AIDS SEDUNIA
DIRASMIKAN OLEH


MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA
HARI HIV / AIDS SEDUNIA
DIRASMIKAN OLEH
1/12/2007


MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA
HARI HIV / AIDS SEDUNIA
DIRASMIKAN OLEH
1/12/2007




MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA
HARI HIV / AIDS SEDUNIA
DIRASMIKAN OLEH


MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA
HARI HIV / AIDS SEDUNIA





Sinar harian

# Dana bantu pesakit Aids

Jumlah permulaan sebanyak RM60,000 untuk pesakit dengan perubatan alternatif

"Kita percaya bahawa makanan tambahan atau suplemen boleh membantu pesakit HIV/AIDS untuk hidup lebih sihat dan gembira selain menjalani rawatan mengikut prosedur yang ditetapkan."

## Dana RM60,000 bantu rawatan pesakit Aids

Makanan tambahan atau suplemen boleh membantu pesakit HIV/AIDS untuk hidup lebih sihat dan gembira selain menjalani rawatan mengikut prosedur yang ditetapkan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika sidang media selepas merasmikan Majlis Kesyukuran Sempena Hari HIV/AIDS Sedunia di Hotel Vistana, dekat sini, semalam.

Dr Shukri berkata, ...

RM60,000
dana dicadangkan untuk bantu 10 pesakit Aids

RM110,000
diperuntukkan untuk rawatan bekas penagih dadah

RM75,000
bagi mengadakan kegiatan sosial bekas penagih dadah

**PRESS ARTICLE IN**
***SINAR HARIAN***
***2ND DECEMBER 2007***



























**Sinar harian**

suara cakna komuniti anda

Ahad 2 Disember 2007 22 Zulkaedah 1428 Bil 452

80 sen

Sinar @ Pahang Di dalam P1-P24 Suara Sebenar Orang Pahang

# Dana bantu pesakit Aids

**Jumlah permulaan sebanyak RM60,000 untuk pesakit dengan perubatan alternatif** >> Berita lanjut di N2

> *"Kita percaya bahawa makanan tambahan atau suplemen boleh membantu pesakit HIV/AIDS untuk hidup lebih sihat dan gembira selain menjalani rawatan mengikut prosedur yang ditetapkan."*
>
> ■ Datuk Dr Ahmad Shukri Ismail

KUANTAN

## Dana RM60,000 bantu rawatan pesakit Aids

**Makanan tambahan atau suplemen boleh membantu pesakit HIV/AIDS untuk hidup lebih sihat dan gembira selain menjalani rawatan mengikut prosedur yang ditetapkan**

■ ASWANY OMAR

PENGERUSI Jawatankuasa Belia, Sukan Dan Perpaduan, Datuk Dr Ahmad Shukri Ismail semalam mencadangkan satu dana baru ditubuhkan bagi membantu pesakit HIV/AIDS dadah dengan rawatan alternatif.

Beliau menjangka sebanyak RM60,000 dapat disediakan oleh kerajaan negeri bagi membantu seramai 10 pesakit dan dijangka lebih ramai akan mendapat bantuan berkenaan pada masa depan.

Katanya, tahun ini kerajaan negeri sudah membelanjakan sebanyak RM110,000 untuk bekas penagih dadah mendapatkan rawatan di pusat rawatan termasuk RM75,000 bagi mengadakan kegiatan sosial mereka.

"Kita percaya bahawa makanan tambahan atau suplemen boleh membantu pesakit HIV/AIDS untuk hidup lebih sihat dan gembira selain menjalani rawatan mengikut prosedur yang ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika sidang media selepas merasmikan Majlis Kesyukuran Sempena Hari HIV/AIDS Sedunia di Hotel Vistana, dekat sini, semalam.

Dr Shukri berkata, amalan pemakanan tambahan ini juga meningkatkan kemampuan pesakit dalam menjalankan kegiatan harian termasuk lebih aktif melakukan kerja seperti mereka yang normal.

Beliau turut menggesa badan bukan kerajaan menyalurkan sumber kewangan mereka supaya bersama membantu kerajaan negeri mengurangkan beban pesakit berkenaan sekali gus membuktikan sokongan mereka untuk tujuan tersebut.

Beliau kesal dengan masih ada agensi yang sepatutnya tampil membantu bekas penagih dadah namun tidak berbuat demikian dan hanya mementingkan aktiviti dalam 'kelompok' mereka.

"Kita tidak mahu ada agensi atau NGO yang 'syok sendiri' dalam 'kelompok' mereka sesuai dengan hasrat kerajaan yang mahu menjadikan negara ini sebagai negara bebas dadah pada tahun 2015," katanya.

Dr Shukri menegaskan bahawa pesakit HIV/AIDS memerlukan sokongan daripada masyarakat untuk menjalani kehidupan normal selain keluarga dan mereka tidak boleh dipandang serong kerana kesalahan pada masa lalu.

Melalui majlis berkenaan beliau turut menyampaikan produk Mas Ayu kepada 10 pesakit HIV/AIDS.

Mas Ayu adalah produk keluaran AK Group Companies yang merupakan makanan tambahan daripada bahan asli, rempah ratus, kekacang dan bijirin khusus untuk membantu pesakit berkenaan mengurangkan masalah mereka selain kekal sihat dan menjalani rutin harian dengan sempurna.

Seorang pesakit, *Zulhaimi Ibrahim, 39, yang* menerima bantuan pemakanan tersebut dapat menjalani hidup lebih aktif selain melakukan banyak tugas pada satu masa.




Dr Shukri menyampaikan sumbangan produk keluaran AK Group Companies kepada seorang pesakit HIV/Aids, semalam.

**Belanja rawatan HIV/AIDS**

**RM60,000** dana dicadangkan untuk bantu 10 pesakit Aids

**RM110,000** dibelanjakan untuk rawatan bekas penagih dadah

**RM75,000** bagi mengadakan kegiatan sosial bekas penagih dadah

**PRESS ARTICLE IN**
***SINAR HARIAN***
***2ND DECEMBER 2007***